

Kemasukan dana asing petanda pelabur yakin prestasi ringgit, ekonomi

06 Ogos 2024 04:24pm Masa membaca: 2 minit



Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (NAPSAC) Ke-31 di Banda Hilir pada Selasa. Foto Bernama

A A A

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

MELAKA - Kemasukan besar-besaran dana asing ke pasaran tempatan sejak kebelakangan ini memberi petanda positif keyakinan tinggi pelabur ke atas pengukuhan ringgit dan perkembangan ekonomi tempatan, kata Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying.

Beliau berkata, ini berikutan ringgit yang sebelum ini dianggap terkurang nilai bagi tempoh agak lama, kini mula memaparkan kenaikan serta minat belian daripada pelabur.

ADVERTISING

Prestasi ringgit, katanya, telah mencatat kenaikan harian terbesar dalam tempoh sembilan tahun dan mencecah paras tertinggi sejak April 2023 yang disokong oleh jangkaan kemasukan besar-besaran dana asing ke pasaran tempatan.

"Keadaan terkurang nilai ini turut menunjukkan ringgit berpotensi meningkat lagi pada masa akan datang.

"Ini terutama jangkaan Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) manakala Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) pula mengurangkan kadar faedah seawal September ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan kali ke-31 (NAPSAC) di sini hari ini, yang turut dihadiri Presiden Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) Malaysia Ayub Zaidin.

Sementara itu, PSA Malaysia akan menggunakan semua platform sedia ada bagi membantu memberi penerangan mengenai kaedah pengiraan pelarasan gaji penjawat awam yang dijadual diumumkan pada minggu depan.

Bercakap kepada pemberita, Ayub berkata ini termasuk taklimat secara bersemuka serta sesi penerangan dalam talian bagi memastikan garis panduan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan melalui Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dapat difahami oleh semua penjawat awam di pelbagai peringkat.

Artikel Berkaitan:

- [Pengukuh ringgit: Dasar padu kerajaan tingkat keyakinan pelabur](#)
- [Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang - Amir Hamzah](#)
- [Dasar ekonomi bertanggungjawab pacu kekuatan ringgit - Anwar](#)
- [Ringgit paling kukuh berbanding dolar AS di Asia](#)
- [Penyelarasan gaji: PM mahu penjawat awam beri perkhidmatan terbaik kepada rakyat](#)
- [Ringgit dibuka kukuh berbanding dolar AS](#)

"Kami komited untuk memberi segala bentuk bantuan atau memudah cara dari aspek penerangan berkaitan pekeliling perbendaharaan atau perkhidmatan itu dengan memanggil wakil-wakil ke pusat tanggungjawab.

"(Peringkat) jabatan pula akan memainkan peranan masing-masing dalam menyebarkan maklumat ini," katanya.



Berita Telus & Tulus menerusi E-Mel setiap hari!

Email

Langgan

Laporan media sebelum ini memetik Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) Datuk Mohd Shaiful Ibrahim sebagai berkata penjawat awam boleh menyemak dan mengetahui kadar baharu gaji bermula minggu depan menerusi Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

-- BERNAMA

TAG: akauntan, dana asing, ringgit, potensi, Lim Hui Ying, PSA Malaysia